



2 Disember 2014
2 December 2014
P.U. (A) 321

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS (PINDAAN) 2014

GAS SUPPLY (AMENDMENT) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BEKALAN GAS 1993

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 39 Akta Bekalan Gas 1993 [*Akta 501*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bekalan Gas (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 [*P.U. (A) 287/1997*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "fee" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "fi".

Pindaan peraturan 15

3. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan "pada" dengan perkataan "pada mana-mana";

(b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan "atau sambungan gas" dengan perkataan ", pemasangan gas tambahan atau sambungan pemasangan gas"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Semua terma dan syarat kelulusan untuk memasang hendaklah dipatuhi oleh—

(a) pemunya pemasangan itu;

(b) orang kompeten yang dilantik untuk memberi nasihat mengenai kerja pada pemasangan itu, setakat skop kerjanya; dan

(c) Kontraktor Gas yang berdaftar dengan Suruhanjaya, yang menjalankan kerja-kerja pada pemasangan,

seperti yang terkandung dalam suatu kelulusan untuk memasang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut subperaturan (3).

(5) Fi yang kena dibayar untuk memproses permohonan dan pengeluaran kelulusan untuk memasang adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Ketiga.”.

Pindaan peraturan 16

4. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peraturan 16 sebagai subperaturan 16(1);

(b) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “pemasangan gas” perkataan “, pemasangan gas tambahan atau sambungan pemasangan gas”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Suruhanjaya boleh meluluskan permohonan itu jika ia berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak Peraturan-Peraturan ini dan seterusnya mengeluarkan kelulusan untuk mengendali, yang mengandungi apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(3) Fi yang kena dibayar untuk memproses permohonan dan pengeluaran kelulusan untuk mengendali adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Ketiga.”.

Pindaan peraturan 94

5. Peraturan 94 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Fee” dengan perkataan “Fi bagi memproses permohonan untuk peperiksaan dan fi”.

Peraturan baru 114A

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 114 peraturan yang berikut:

- | | | |
|---|-------|---|
| “Penggantian
Perakuan
Pendaftaran
Kontraktor
Gas. | 114A. | (1) Jika Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gas yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya hilang, dicuri, termusnah, lusuh, atau rosak, suatu Perakuan gantian boleh dikeluarkan oleh Suruhanjaya apabila suatu akuan berkanun bahawa salinan asal Perakuan tersebut telah hilang, dicuri ataupun termusnah dikemukakan oleh pemegang atau apabila salinan asal Perakuan yang lusuh atau rosak itu diserahkan balik. |
| | | (2) Fi bagi perakuan gantian yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Ketiga.”. |

Pindaan peraturan 118

7. Peraturan 118 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peraturan 118 sebagai subperaturan 118(1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Jika Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya hilang, dicuri, termusnah, lusuh, atau rosak, suatu Perakuan gantian boleh dikeluarkan oleh Suruhanjaya apabila suatu akuan berkanun bahawa salinan asal Perakuan telah hilang, dicuri atau termusnah dikemukakan oleh pemegang ataupun apabila salinan asal Perakuan yang lusuh atau rosak itu diserahkan balik.

(3) Fi bagi perakuan gantian yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Ketiga.”.

Pindaan Jadual Ketiga

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut: